

[MI-PSAIK MODEL: AN INTEGRATIVE MODEL FOR TEACHING ARABIC LITERATURE BASED ON IBNU KHALDUN'S APPROACH]

MODEL MI-PSAIK: MODEL INTEGRATIF PENGAJARAN SASTERA ARAB BERDASARKAN PENDEKATAN IBNU KHALDUN

*Nurhasma Muhamad Saad
nurhasma@usim.edu.my (Corresponding Author)
Universiti Sains Islam Malaysia*

*Ab Adly Rabbanie Ab Rahim
abadlyrabbanie@gmail.com
Universiti Putra Malaysia*

*Margaret Anthoney
margaret@usim.edu.my
Universiti Sains Islam Malaysia*

*Yee Chin Yip
cyyee@usim.edu.my
Universiti Sains Islam Malaysia*

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk membina satu model pengajaran sastra Arab berasaskan pendekatan Ibnu Khaldun yang dinamakan Model MI-PSAIK (Model Integratif Pengajaran Sastera Arab Ibnu Khaldun). Model ini merupakan prinsip pendidikan Ibnu Khaldun yang berpaksikan keseimbangan antara ilmu, akhlak dan pembangunan sosial. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan analisis kandungan dokumen terhadap karya Mukadimah Ibnu Khaldun. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan Ibnu Khaldun terhadap pengajaran bahasa dan kesusasteraan menekankan proses berperingkat, pembiasaan (*ta'awwud*), dan pengamatan sastra (*dzauq*). Justeru, Model MI-PSAIK dicadangkan sebagai satu pendekatan pedagogi integratif yang menggabungkan lima prinsip utama Ibnu Khaldun dalam pengajaran sastra Arab: kompetensi guru (*al-tamakkun*), penerapan *dzauq* (*al-tadzawwuq*), latihan berperingkat (*al-tadrib*), imitasi karya agung (*al-taqlid*), dan penggunaan keindahan bahasa (*al-tazyin*). Kajian ini diharapkan dapat memperkukuh kefahaman, penghayatan dan kemahiran berbahasa Arab pelajar serta menyumbang kepada pengayaan teori pengajaran sastra Arab berasaskan warisan intelektual Ibnu Khaldun.

Kata kunci: *Ibnu Khaldun; sastra Arab; pengajaran sastra Arab; dzauq; model integratif MI-PSAIK*

Abstract

*This study aims to develop a literary teaching model for Arabic literature based on Ibn Khaldūn's pedagogical approach, known as the MI-PSAIK Model (Ibn Khaldūn's Integrative Model for Teaching Arabic Literature). This model is grounded in Ibn Khaldūn's educational principles, which emphasize a balanced integration of knowledge, ethics, and social development. The study adopts a qualitative design using document content analysis of Ibn Khaldūn's Muqaddimah. The findings indicate that Ibn Khaldūn's approach to teaching language and literature highlights a gradual learning process, habituation (*ta'awwud*), and literary sensibility (*dzawq*). Accordingly, the MI-PSAIK Model is proposed as an integrative pedagogical approach that synthesizes five core principles of Ibn Khaldūn in the teaching of Arabic literature: teacher competency (*al-tamakkun*), cultivation of literary taste (*al-tadzawwuq*), gradual training (*al-tadrib*), imitation of masterworks (*al-taqlid*), and the use of linguistic aesthetics (*al-tazyin*). It is hoped that this study will*

strengthen students' understanding, appreciation, and proficiency in the Arabic language, and contribute to enriching the theoretical discourse on Arabic literature pedagogy grounded in Ibn Khaldūn's intellectual heritage.

Keywords: *Ibn Khaldun; Arabic literature; Arabic literature teaching; dzawq (literary sensibility); MI-PSAIK integrative model.*

Article Received:
22 October 2025

Article Reviewed:
10 November 2025

Article Published:
5 December 2025

PENGENALAN

Kesusasteraan Arab merupakan komponen teras dalam ilmu bahasa Arab yang memainkan peranan penting dalam membentuk kemahiran berfikir aras tinggi, kepekaan estetika dan pembinaan akhlak pelajar. Dalam konteks pendidikan Islam, pengajaran sastera tidak hanya bertujuan memupuk kemahiran linguistik semata-mata, tetapi juga membina keseimbangan antara ilmu (*'ilm*), amal (*'amal*), dan adab. Ibnu Khaldun (1332–1406M) dalam karya agungnya Mukadimah telah mengemukakan suatu falsafah pendidikan yang menekankan kesepaduan antara dimensi intelektual, moral dan sosial manusia. Menurut beliau, tujuan sebenar pendidikan ialah “membentuk insan yang beradab melalui proses pengilmuan dan pembiasaan yang seimbang antara akal dan amal” (Ibnu Khaldun, 2023).

Dalam sistem pengajaran sastera Arab kontemporari di Malaysia, pelbagai isu telah dikenal pasti seperti ketidaksinambungan silibus, tumpuan berlebihan kepada hafalan, kekurangan bahan bantu mengajar yang kontekstual, serta tahap penguasaan pelajar yang sederhana (Nazri Atoh et al., 2020). Kajian terdahulu (Azhar, 2007; Muhammad Saiful Anuar, 2014; Mohd Zahirwan et al., 2017) menunjukkan bahawa pendekatan tradisional pengajaran sastera Arab masih bersifat tekstual dan terpisah daripada nilai-nilai falsafah pendidikan Islam yang lebih menyeluruh. Justeru, perlunya satu model pengajaran yang dapat menggabungkan kekuatan teori pendidikan Islam klasik dengan keperluan pedagogi moden.

Pendekatan Ibnu Khaldun menawarkan asas yang mantap untuk pembinaan model sedemikian. Pandangan beliau tentang proses pendidikan menegaskan bahawa penguasaan ilmu mestilah melalui latihan berperingkat (*al-tadrib*) dan pembiasaan (*al-ta'awwud*). Dalam konteks sastera Arab, pendekatan ini diterjemahkan melalui pembacaan berulang terhadap teks-teks syair seperti karya Hasan bin Thabit, Umar bin Abi Rabiah, al-Hutaiah, Jarir, al-Farazdaq, Nusaib, Ghayalan Dzu Rummah, al-Ahwash dan Basyar yang membentuk *dzauq* atau rasa estetika pelajar terhadap bahasa Arab (Ibnu Khaldun, 2014). Konsep *dzauq* inilah yang membezakan pengajaran sastera Arab dalam tradisi Islam daripada pendekatan sekular yang hanya menilai aspek linguistik atau sastera secara teknikal. Konsep ini juga memainkan peranan sangat penting dalam kepekaan terhadap keindahan bahasa dan gayanya bagi mencapai pengamatan sastera dalam pembelajaran. (Nurhasma Muhamad Saad et al., 2025).

Tambahan pula, perkembangan semasa pendidikan Islam di Malaysia menekankan keseimbangan antara ilmu, nilai dan kemahiran insaniah. Oleh itu, pengajaran sastera Arab perlu digerakkan seiring dengan falsafah ini bagi melahirkan pelajar yang bukan sahaja mahir berbahasa, tetapi juga memiliki jati diri, empati serta kepekaan terhadap keindahan bahasa sebagai cerminan akhlak dan peradaban. (Amin Senin, 2024).

Bertitik tolak daripada keperluan ini, artikel ini mengemukakan Model MI-PSAIK (Model Integratif Pengajaran Sastera Arab Ibnu Khaldun) yang dibangunkan berasaskan prinsip pendidikan Ibnu Khaldun. Model ini diharap menjadi kerangka konseptual dan praktikal yang

dapat diaplikasikan dalam bilik darjah dan peringkat universiti bagi memperkaya proses pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan Arab.


TEORI PENDIDIKAN IBNU KHALDUN

Ibnu Khaldun (1332–1406M) ialah seorang tokoh pemikir Islam yang terkenal bukan sahaja dalam bidang sosiologi dan sejarah, tetapi juga dalam falsafah pendidikan. Dalam Mukadimah, beliau menjelaskan bahawa pendidikan merupakan asas kepada pembinaan tamadun. Ilmu bagi Ibnu Khaldun bukanlah sekadar alat untuk memperoleh pekerjaan atau kedudukan, tetapi suatu jalan untuk membina keperibadian insan yang beradab (*al-insan al-mu'addab*).

Beliau menegaskan bahawa proses pembelajaran mestilah melalui tiga peringkat utama: (i) pemerolehan ilmu asas secara berperingkat (*al-tadrib*), (ii) pengukuhan melalui latihan berterusan (*al-ta'awwud*), dan (iii) pembentukan *dzauq* atau pengamatan sastera. Konsep *dzauq* ini sangat penting dalam konteks pengajaran sastera Arab kerana ia membentuk kepekaan estetik pelajar terhadap keindahan ungkapan bahasa dan struktur makna (Ibnu Khaldun, 2014).

Selain itu, Ibnu Khaldun menentang pendekatan hafalan tanpa kefahaman. Menurut beliau, “ilmu tidak diperoleh dengan banyak membaca, tetapi dengan memahami secara mendalam dan beransur-ansur” (Ibnu Khaldun, 2023). Oleh itu, pedagogi beliau bersifat konstruktivis dalam erti bahawa pelajar perlu membina makna melalui pengalaman, pemerhatian dan latihan yang kontekstual. Ini bertepatan dengan prinsip pendidikan moden yang menekankan pembelajaran berasaskan pengalaman.

Dari sudut psikologi pendidikan, Ibnu Khaldun juga menekankan pentingnya mengambil kira perbezaan kebolehan pelajar dan sifat tabiat semula jadi (fitrah) mereka. Hal ini menunjukkan kepekaan beliau terhadap pendekatan pedagogi berasaskan pelajar yang kini menjadi prinsip utama dalam pendidikan. Secara keseluruhan, falsafah pendidikan Ibnu Khaldun dapat dirumuskan melalui lima prinsip utama:



RAJAH 1. Lima Prinsip Utama dalam Pengajaran Sastera Menurut Ibnu Khaldun

Falsafah Ibnu Khaldun dalam Pendidikan

Falsafah pendidikan Ibnu Khaldun telah menarik perhatian ramai sarjana moden dalam bidang pedagogi Islam dan teori pembelajaran sosial. Menurut al-Attas (2006), Mukadimah merupakan teks pendidikan yang “mendahului zaman” kerana membincangkan faktor sosiologi, psikologi dan epistemologi dalam pembentukan ilmu. Ibnu Khaldun menyatakan bahawa proses pembelajaran tidak boleh dipisahkan daripada latar budaya dan sosio ekonomi pelajar, kerana manusia berbeza dalam kebolehan dan pengalaman.

McKenny dan Reeves (2012) menjelaskan bahawa prinsip reka bentuk pengajaran yang efektif mestilah berasaskan analisis kontekstual, iaitu memahami persekitaran pelajar dan nilai budaya mereka. Hal ini menunjukkan kesepadanan yang jelas antara pemikiran Ibnu Khaldun dengan teori reka bentuk pengajaran kontemporari. Dalam konteks ini, pendekatan Ibnu Khaldun bukan sahaja bersifat rohani, tetapi juga empirik, kerana beliau menekankan pemerhatian realiti sosial dalam menentukan bentuk pendidikan yang sesuai.

Menurut Larson dan Lockee (2014), model reka bentuk pengajaran berkesan perlu mengintegrasikan aspek kognitif, afektif, dan psikomotor seiring dengan pandangan Ibnu Khaldun yang menekankan keseimbangan akal (*‘aql*), hati (*qalb*), dan badan (jasad). Ini menegaskan bahawa model Ibnu Khaldun bersifat holistik, menolak pemisahan antara ilmu agama dan dunia, antara sastera dan moral, serta antara kognitif dan spiritual.

Kajian oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1999) pula menghubungkan konsep adab dengan teori pendidikan Ibnu Khaldun. Menurut beliau, adab ialah hasil akhir pendidikan, iaitu kesedaran akan kedudukan sebenar sesuatu ilmu dan amal dalam susunan wujud. Dalam konteks pengajaran sastera Arab, pelajar bukan sahaja perlu memahami makna zahir puisi, tetapi juga menghayati nilai moral, tauhid dan hikmah yang tersirat.

Kajian kontemporari oleh Muhammad Zahirwan et al. (2017) dan Mohamad Syukri Abdul Rahman et al. (2018) turut menyokong idea bahawa pedagogi Ibnu Khaldun sesuai diadaptasi ke dalam reka bentuk pengajaran bahasa Arab moden. Mereka menunjukkan bahawa pengajaran ilmu balaghah (retorik Arab) yang berasaskan latihan berperingkat dan penghayatan makna lebih berkesan dalam meningkatkan kefasihan dan motivasi pelajar.

Hubungan antara Teori Ibnu Khaldun dan Pendekatan Konstruktivisme

Jika diteliti secara perbandingan, falsafah pendidikan Ibnu Khaldun mempunyai persamaan yang ketara dengan pendekatan konstruktivisme moden yang diasaskan oleh Jean Piaget dan Lev Vygotsky. Dalam konstruktivisme, pelajar membina pengetahuan melalui pengalaman dan refleksi sendiri, bukan hanya menerima maklumat pasif daripada guru.

Ibnu Khaldun (2023) menyatakan bahawa “ilmu tidak datang dengan banyak membaca, tetapi dengan latihan dan kesungguhan dalam memahami makna”. Prinsip ini menyerupai konsep *scaffolding* oleh Vygotsky (1978), iaitu guru berperanan sebagai pembimbing yang membantu pelajar mencapai tahap kefahaman yang lebih tinggi melalui bimbingan bertahap.

Namun, Ibnu Khaldun melangkaui konstruktivisme barat dengan memperkenalkan unsur *spiritual constructivism* iaitu pembinaan ilmu berasaskan tauhid. Pengetahuan bukan hanya hasil interaksi sosial, tetapi juga hasil pencerahan hati (*nur al-qalb*) dan pemurnian jiwa (*tazkiyah al-nafs*). Oleh itu, Model MI-PSAIK mengadaptasi prinsip konstruktivisme dalam kerangka Islamik,

menekankan bahawa pembelajaran sastera Arab ialah proses membina kefahaman terhadap makna insani dan ketuhanan dalam teks.

Pengajaran Sastera Arab dalam Tradisi Islam

Dalam sejarah Islam, pengajaran sastera Arab (*adab al-'Arab*) bukan sekadar kegiatan linguistik, tetapi juga latihan rohani dan intelektual. Para sarjana klasik seperti al-Jahiz (w. 868M), Ibn Qutaybah (w. 889M), dan al-Mubarrad (w. 898M) melihat sastera sebagai cerminan akal budi Arab-Islam dan sarana pembentukan adab. Adab dalam konteks ini bermaksud perpaduan antara ilmu, etika, dan estetika (al-Attas, 1990).

Salah satu contoh klasik ialah karya puisi *Mu'allaqat* karya Imru' al-Qais, yang bukan sahaja dianggap lambang kesempurnaan bahasa Arab, tetapi juga teks pengajaran yang digunakan dalam madrasah Islam sejak awal. Ibnu Khaldun (2014) menyebut bahawa menghafaz dan meneliti syair-syair klasik seperti *Mu'allaqat* adalah penting untuk membentuk kefasihan dan kemahiran bertutur. Oleh itu, dalam konteks pengajaran moden, teks klasik ini dapat dijadikan bahan rujukan untuk pelajar terhadap warisan Arab-Islam.

Kajian oleh al-Makhzumi (1966) mendapati bahawa pendekatan pengajaran sastera Arab pada zaman klasik menekankan *sima'* (pendengaran aktif), *tahlil* (analisis struktur bahasa) dan *tadabbur* (penghayatan makna), yang kesemuanya selaras dengan prinsip dzauq Ibnu Khaldun. Pendekatan ini juga sangat mirip dengan pendekatan komunikatif dan interpretatif dalam pedagogi moden yang memberi ruang kepada pelajar untuk menafsir dan merasai nilai sastera, bukan sekadar menganalisis bentuknya.

Pembelajaran dan Pengajaran Sastera Arab di Malaysia

Kajian tempatan menunjukkan bahawa pengajaran sastera Arab di Malaysia masih menghadapi beberapa cabaran utama. Azhar (2007) menegaskan bahawa kebanyakan guru bahasa Arab di sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi lebih menumpukan kepada aspek tatabahasa dan terjemahan literal, manakala aspek penghayatan sastera kurang diberi perhatian. Kajian oleh Nazri Atoh et al. (2020) mendapati bahawa pelajar sukar memahami mesej tersirat dalam karya sastera kerana kekurangan latihan *dzauiyyah* – kepekaan rasa bahasa.

Selain itu, Mohd Zahirwan et al. (2017) menunjukkan bahawa bahan pengajaran sastera Arab kurang disesuaikan dengan konteks pelajar Malaysia, menyebabkan proses PdP kurang interaktif dan bermakna. Oleh itu, perlunya model pengajaran yang mampu mengintegrasikan nilai-nilai klasik Islam dengan strategi pedagogi kontemporari seperti *active learning*, *flipped classroom* dan pendekatan berasaskan projek.

Dalam kerangka pendidikan Islam, usaha menghidupkan kembali prinsip Ibnu Khaldun amat signifikan kerana ia menghubungkan antara ilmu, akhlak, dan kemahiran sosial. Kajian oleh Rosnani Hashim (2013) serta Azmil Zainal Abidin (2020) menegaskan bahawa integrasi falsafah pendidikan Islam dengan pedagogi moden dapat menghasilkan pelajar yang seimbang dari segi intelektual dan spiritual.

Isu Keberkesanan dan Kebolehbacaan Teks Sastera Arab

Beberapa kajian tempatan telah menyoroti isu keberkesanan dan kebolehbacaan teks sastera Arab dalam sistem pendidikan Malaysia. Zamri Arifin et al. (2012) mendapati teks sastera Arab dalam kalangan pelajar universiti kurang mesra pelajar kerana struktur linguistik yang sukar dan konteks budaya yang jauh daripada pengalaman pelajar Malaysia. Kamarulzaman Abdul Ghani (2010) dalam tesisnya di Universiti Malaya menilai kebolehbacaan buku teks Bahasa Arab Tinggi Tingkatan Empat dan mendapati pelajar menghadapi kesukaran memahami mesej teks disebabkan pendekatan pengajaran yang berorientasikan tatabahasa semata-mata. Nazri Atoh et al. (2020) pula menunjukkan bahawa penggunaan peta minda dan strategi visual mampu meningkatkan kefahaman pelajar dalam karya sastera Arab.


Selain itu, Mohd Zulkhairi Abd Hamid (2012) telah mereka bentuk perisian pembelajaran balaghah Arab di sekolah menengah yang membantu pelajar memahami aspek estetika bahasa melalui kaedah interaktif multimedia. Kajian ini menyokong pendapat Jamalludin dan Zaidatun (2003) bahawa pendekatan multimedia dan visualisasi memainkan peranan penting dalam merangsang minat dan motivasi pelajar abad ke-21.

Namun begitu, kebanyakan kajian ini masih belum menggabungkan pendekatan pedagogi klasik Islam (Ibnu Khaldun) dengan teknologi dan reka bentuk pembelajaran moden. Justeru, terdapat keperluan untuk membina satu model integratif yang mampu menghubungkan nilai rohani, pendekatan linguistik, dan teknologi pengajaran dalam satu kerangka menyeluruh — yang dinamakan sebagai Model MI-PSAIK.

Rumusan daripada sorotan literatur ini memperlihatkan bahawa walaupun terdapat pelbagai pendekatan dalam pengajaran sastera Arab, kebanyakan masih terpisah antara aspek linguistik dan nilai Islam. Falsafah pendidikan Ibnu Khaldun menawarkan asas yang kukuh untuk mengintegrasikan kedua-duanya dalam satu model yang holistik.

METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini berbentuk kualitatif berasaskan pendekatan hermeneutik dalam menganalisis teks Mukadimah karya Ibnu Khaldun (2014), bagi meneliti prinsip-prinsip pendidikan dan pengajaran beliau, lalu menyesuaikannya dengan konteks pengajaran sastera Arab kontemporari. Pendekatan ini membolehkan peneliti memahami teks bukan sekadar pada tahap literal, tetapi juga secara konseptual dan falsafah. Kajian ini dijalankan melalui dua fasa utama yang saling berkait, seperti ditunjukkan dalam Rajah 2:



RAJAH 2: Fasa Utama dalam pembinaan Model MI-PSAIK

Kajian ini menggunakan dua sumber utama data, iaitu: sumber primer: teks *Mukadimah* oleh Ibnu Khaldun (2014) menjadi sumber utama yang dianalisis bagi mengeluarkan prinsip dan falsafah pendidikan beliau. Beberapa terjemahan seperti *Mukadimah Ibnu Khaldun* (2023) turut digunakan bagi memastikan ketepatan tafsiran. Manakala, sumber sekunder adalah bahan akademik seperti buku, jurnal, dan prosiding yang membincangkan pemikiran pendidikan, falsafah Islam, pedagogi sastera Arab dan teori pembelajaran moden. Antaranya ialah karya Mohamed Amin (2016), Mohd Zahirwan et al. (2017), dan Nazri Atoh et al. (2020). Kaedah pengumpulan data dijalankan melalui analisis dokumen dan analisis kandungan yang sistematik. Dokumen-dokumen tersebut disemak berdasarkan kriteria kredibiliti, kesahan konteks, dan kesesuaian dengan tema kajian.

Analisis data dilakukan secara tematik dan deduktif-induktif. Proses ini memastikan setiap komponen model berasaskan data empirikal serta selari dengan prinsip pendidikan Islam dan konteks pengajaran sastera Arab. Antara langkah-langkah analisis merangkumi:



RAJAH 3: Kerangka Konseptual

PERBINCANGAN DAN ANALISIS DAPATAN

Bahagian ini membincangkan hasil analisis terhadap teks Mukadimah oleh Ibnu Khaldun serta pandangan tokoh-tokoh pendidikan Islam yang berkaitan, seterusnya menilai bagaimana prinsip-prinsip tersebut diaplikasikan dalam konteks pengajaran sastera Arab moden. Analisis ini disusun mengikut tema utama yang membentuk komponen *Model Integratif Pengajaran Sastera Arab Ibnu Khaldun (MI-PSAIK)*. Setiap tema dijelaskan dari segi asas teorinya, implikasi dalam konteks sastera Arab, dan integrasinya dengan prinsip pendidikan Islam.

1. Tema 1: Kompetensi Guru (Tamakkun al-Mu'allim)

Menurut Ibnu Khaldun (2014), guru merupakan tunjang utama dalam sistem pendidikan; tanpa kemahiran yang mendalam, ilmu tidak dapat disampaikan dengan berkesan. Prinsip *al-tamakkun* menekankan keperluan guru menguasai bukan sahaja isi kandungan, tetapi juga kefahaman terhadap jiwa pelajar (*fiqh nafs al-talib*). Dalam konteks pengajaran sastera Arab, hal ini bermaksud guru/pensyarah perlu memahami latar linguistik, keupayaan kognitif, serta kepekaan estetik pelajar sebelum memperkenalkan karya klasik seperti *Mu'allaqat Imru' al-Qais* atau puisi *al-Buhturi*.

Analisis terhadap teks Ibnu Khaldun (2023) menunjukkan bahawa guru yang tidak memiliki penguasaan mendalam akan menyebabkan “kekeliruan dan kebosanan” dalam kalangan pelajar. Ini sejajar dengan pandangan al-Ghazali (2015) dalam *Ihya’ Ulum al-Din* yang menegaskan bahawa guru berfungsi sebagai *murabbi al-nafts* pembimbing rohani dan intelek. Oleh itu, dalam MI-PSAIK, kompetensi guru dikategorikan kepada tiga domain:


Kognitif	Afektif	Pedagogi
•Penguasaan teori sastera Arab, sejarah kesusasteraan, dan nahu-sarf.	•Keikhlasan niat, adab dalam penyampaian, dan empati terhadap pelajar.	•Kebolehan menghubungkan kait karya sastera dengan nilai Islam dan pengalaman pelajar.

RAJAH 4: Tiga Domain dalam Kompetensi Guru

2. Tema 2: Latihan Berperingkat (al-Tadarruj)

Ibnu Khaldun menegaskan bahawa pengajaran perlu dijalankan secara berperingkat agar minda pelajar berkembang dengan semula jadi. Beliau menolak pendekatan yang terlalu memaksa atau melangkaui kemampuan pelajar, kerana ia menyebabkan penolakan terhadap ilmu. Dalam pengajaran sastera Arab, prinsip *al-tadarruj* diterjemahkan melalui pendekatan pengajaran bertahap daripada pembacaan literal kepada analisis tematik, dan seterusnya kepada tafsiran nilai Islamik.

Contohnya, pelajar diperkenalkan dengan teks mudah seperti syair-syair nasihat sebelum beralih kepada puisi epik dan falsafah. Ini selaras dengan teori *Zone of Proximal Development* (ZPD) oleh Vygotsky (1978), yang menekankan keperluan bimbingan bertahap. Integrasi teori moden dengan prinsip Ibnu Khaldun memperlihatkan relevansi falsafah beliau dalam pedagogi kontemporari. Dalam MI-PSAIK, fasa pembelajaran sastera diatur dalam tiga tahap iaitu:



RAJAH 5: Tiga Fasa Pembelajaran dalam Model MI-PSAIK

3. Tema 3: Penerapan Dzauq Estetik (al-Tazawwuq)

Salah satu dapatan penting dalam analisis ini ialah penekanan Ibn Khaldun terhadap *dzauq* kepekaan rasa dan citarasa estetik dalam memahami sastera. Bagi beliau, sastera tidak dapat difahami hanya melalui hafalan atau terjemahan, tetapi melalui *penghayatan keindahan bahasa*.

Dalam konteks pengajaran moden, konsep *dzauq* bermaksud menanam kepekaan pelajar terhadap irama, gaya, dan keindahan retorik puisi Arab.

Sebagai contoh, ketika mengajar *Mu'allaqat Imru' al-Qais*, guru bukan hanya menjelaskan makna literal tetapi membimbing pelajar merasai keindahan metafora gurun, hujan dan cinta sebagai simbol perjuangan batin manusia. *Dzauq* membentuk kesedaran estetik dan spiritual, sekaligus menjadikan pembelajaran sastera sebagai proses *tazkiyah al-nafs* (penyucian jiwa).

Kajian Nazri Atoh et al. (2020) mendapati bahawa pelajar yang didedahkan kepada pendekatan estetik Islami menunjukkan tahap penghayatan nilai murni yang lebih tinggi. Oleh itu, *al-tazawwuq* dijadikan elemen utama dalam model MI-PSAIK bagi mengintegrasikan dimensi seni dan spiritual secara seimbang.

4. Tema 4: Imitasi dan Teladan Karya Agung (al-Taqlid al-Mahmud)

Ibnu Khaldun menegaskan bahawa seseorang pelajar harus meneladani karya agung terdahulu sebelum menghasilkan karya sendiri. Prinsip *al-taqlid al-mahmud* (peniruan terpuji) ini bukan bermaksud meniru secara buta, tetapi mencontohi keunggulan teknik, struktur dan nilai dalam karya-karya besar.

Dalam konteks sastera Arab, hal ini merujuk kepada pembelajaran melalui teks klasik seperti *al-Mutanabbi*, *al-Buhturi*, dan *Imru' al-Qais* bagi membina kecekapan bahasa dan kehalusan gaya. Prinsip ini dapat dibandingkan dengan teori *Apprenticeship Learning* oleh Collins et al. (1989), yang menekankan pembelajaran melalui peniruan dan pementoran.

Dalam MI-PSAIK, elemen *al-taqlid* diterapkan melalui strategi *modeling* — pelajar diminta menganalisis, meniru gaya, dan kemudian mengadaptasi dalam penulisan kreatif Islamik. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh kemahiran linguistik, tetapi juga membina rasa hormat terhadap warisan keilmuan Islam.

5. Tema 5: Keindahan Bahasa dan Nilai Islam (al-Tazyin wa al-Qiyam al-Islamiyyah)

Keindahan dalam sastera menurut Ibnu Khaldun ialah keindahan yang membawa makna, bukan sekadar hiasan bahasa. Oleh itu, sastera perlu menjadi medium penyampaian nilai dan kebenaran. Prinsip *al-tazyin* dalam MI-PSAIK menekankan bahawa keindahan bahasa mesti seiring dengan kebenaran makna.

Dalam konteks pengajaran moden, elemen ini diwujudkan melalui analisis nilai Islam dalam teks — seperti sabar, adil, kasih sayang dan tawakal — dan bagaimana ia dizahirkan melalui pilihan diksi dan metafora. Contohnya, dalam bait syair *Imru' al-Qais* yang menggambarkan hujan selepas kemarau, pelajar dibimbing memahami simbolik “rahmat” dan “tanda kebesaran Allah” di sebalik imej alam. Pendekatan ini bukan sahaja menghubungkan sastera dengan spiritualiti, tetapi turut menyokong konsep Islamisasi ilmu yang disarankan oleh al-Attas (1980) dan al-Faruqi (1982).

6. Sinergi Antara Lima Tema: Pembentukan Model MI-PSAIK

Analisis kelima-lima tema ini memperlihatkan bahawa pendekatan Ibnu Khaldun amat relevan dengan pedagogi sastera Arab masa kini. Prinsip-prinsip tersebut diintegrasikan dalam bentuk sistematik melalui Model Integratif Pengajaran Sastera Arab Ibnu Khaldun (MI-PSAIK) yang berasaskan lima komponen teras berikut:

Komponen MI-PSAIK	Asas Falsafah	Strategi Pengajaran	Hasil Pembelajaran
<i>al-Tamakkun</i> (Kompetensi Guru)	Guru sebagai <i>murabbi</i>	Bimbingan holistik	Guru berilmu dan berakhlak
<i>al-Tadarruj</i> (Latihan Berperingkat)	Pembelajaran bertahap	Penerapan ZPD	Kefahaman mendalam
<i>al-Tazawwuq</i> (Dzauq Estetik)	Kepekaan rohani dan seni	Analisis estetik	Penghayatan keindahan Islamik
<i>al-Taqlid</i> (Teladan Karya Agung)	Tradisi dan kesinambungan ilmu	Analisis karya klasik	Kreativiti terarah nilai
<i>al-Tazyin</i> (Keindahan Bernilai)	Keseimbangan estetika dan etika	Interpretasi nilai Islam	Pembentukan jiwa beradab

Kelima-lima komponen ini berfungsi secara interdependen, membentuk satu sistem pedagogi integratif yang menggabungkan dimensi ilmu (kognitif), adab (afektif) dan amal (psikomotor) selaras dengan Falsafah Pendidikan Islam dan gagasan *ta'dib* oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1999).

MODEL MI-PSAIK (MODEL INTEGRATIF PENGAJARAN SASTERA ARAB IBNU KHALDUN)

Berdasarkan analisis mendalam terhadap prinsip pendidikan Ibnu Khaldun, kajian ini memperkenalkan satu model konseptual yang dinamakan Model Integratif Pengajaran Sastera Arab Ibnu Khaldun (MI-PSAIK). Model ini bertujuan untuk menghubungkan dimensi intelektual, emosional, spiritual, dan estetik dalam proses pembelajaran sastera Arab, berasaskan falsafah *ta'dib* (pendidikan beradab). Model ini menstrukturkan proses pengajaran dalam tiga peringkat utama dan lima komponen pedagogi.

Struktur Konseptual Model MI-PSAIK

a) Tiga Peringkat Utama Fasa Pengajaran Sastera

Peringkat <i>Takrim</i> (Pengenalan dan Penghargaan)	• Pelajar diperkenalkan dengan latar sejarah, budaya dan bahasa karya sastra. • Tujuannya ialah diberikan pendedahan awal tentang karya sastra klasik dan moden. • Guru berperanan sebagai <i>murabbi</i> yang menanam nilai adab terhadap ilmu dan tokoh sastra.
Peringkat <i>Tazkiyah</i> (Pemurnian dan Penghayatan)	• Pelajar menganalisis nilai moral, spiritual, dan sosial yang terkandung dalam teks. • Perbincangan menumpukan pada penapisan unsur yang bercanggah dengan syariat serta penggalian makna yang sejajar dengan akidah Islam. • Aktiviti seperti perbincangan tematik, tafsir simbolik, dan refleksi diri digalakkan.
Peringkat <i>Tahqiq</i> (Pendalaman dan Aplikasi)	• Pelajar menghasilkan respons kreatif berdasarkan nilai dan estetika Islamik. • Aktiviti boleh meliputi penulisan puisi, esei, atau deklamasi syair bernuansa Islam. • Proses ini melatih pelajar mengamalkan ilmu secara beradab, menzahirkan <i>ta'dib</i> dalam amal.

b) Lima Komponen Pedagogi Teras

Komponen MI-PSAIK	Penerangan
<i>al-Tamakkun</i> (Kompetensi Guru)	• Guru mesti memiliki penguasaan mendalam dalam bahasa dan sastra Arab serta kefahaman rohani pelajar. • Latihan profesional guru harus menekankan aspek <i>murabbiyyah</i>, bukan sekadar kecekapan teknikal.
<i>al-Tadarruj</i> (Latihan Berperingkat)	• Kurikulum disusun secara berlapis, bermula daripada pembacaan literal kepada tafsiran nilai Islam. • Pendekatan ini meningkatkan kefahaman mendalam.
<i>al-Tazawwuq</i> (Penerapan Dzauq)	• Ditekankan melalui analisis irama, metafora, dan simbol yang mengandungi nilai rohani. • Aktiviti seperti <i>musyawarah bait</i>, <i>tahlil al-ma'nā</i>, dan <i>al-isti'rāq al-adabī</i> digunakan bagi melatih kepekaan estetik Islami.
<i>al-Taqlid</i> (Imitasi Karya Agung)	• Pelajar meneladani karya klasik seperti <i>Mu'allaqat</i>, <i>al-Mutanabbī</i>, dan <i>Abū al-'Alā' al-Ma'arrī</i> sebagai asas gaya bahasa dan nilai. • Kaedah imitasi ini membina rasa hormat terhadap kesinambungan tradisi ilmu Islam.
<i>al-Tazyin</i> (Penggunaan Keindahan Bahasa)	• Sastra dilihat bukan semata-mata keindahan bentuk tetapi wadah <i>tazkiyah al-nafs</i>. • Setiap aktiviti pengajaran digerakkan dengan niat memperindah bahasa dan akhlak serentak.

Kelima-lima komponen ini saling melengkapi dan berpadu di bawah falsafah *ta'dīb* (pembentukan insan beradab). Hubungan sinerginya dapat dirumuskan seperti berikut:

Dimensi	Prinsip Ibnu Khaldun	Hasil Pendidikan
Intelektual (<i>'Ilm</i>)	<i>al-Tamakkun</i> & <i>al-Tadarruj</i>	Penguasaan teori dan bahasa sastera
Estetik (<i>Jamal</i>)	<i>al-Tazawwuq</i>	Kepekaan terhadap keindahan Islamik
Etika (<i>Adab</i>)	<i>al-Taqlid</i> & <i>al-Tazyin</i>	Peniruan teladan dan pemurnian akhlak
Rohani (<i>Ruh</i>)	Kesepaduan semua komponen	Penyatuan ilmu, iman dan amal

Model MI-PSAIK ini bukan sahaja berfungsi sebagai alat pengajaran, tetapi juga sebagai falsafah kurikulum bagi melahirkan pelajar berjiwa seimbang berilmu, berakhlak dan berestetika.

KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa pemikiran pendidikan Ibnu Khaldun masih sangat relevan dan signifikan dalam dunia pendidikan kontemporari, khususnya dalam pengajaran sastera Arab. Melalui analisis sistematik dan integrasi prinsip beliau, lahirlah Model Integratif Pengajaran Sastera Arab Ibnu Khaldun (MI-PSAIK) yang menggabungkan keilmuan, nilai dan keindahan. Model ini berpaksikan idea bahawa:

Ilmu tanpa adab adalah sia-sia, dan sastera tanpa nilai adalah hampa

MI-PSAIK memberi ruang kepada pelajar untuk memahami teks Arab bukan sekadar sebagai warisan bahasa, tetapi sebagai manifestasi iman dan akhlak. Guru pula dilihat bukan sebagai penyampai maklumat semata-mata, tetapi sebagai *murabbi* yang membimbing keindahan jiwa. Dengan itu, MI-PSAIK diharapkan dapat menjadi asas kepada reformasi pedagogi sastera Arab di Malaysia dan dunia Islam satu pendekatan yang menjadikan sastera sebagai jambatan antara akal, hati, dan wahyu.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini telah memperoleh geran daripada PPPI/PTJ/FPBU/USIM/14425. Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada FPBU, USIM atas penyediaan dana bagi melaksanakan penyelidikan ini.

RUJUKAN

- al-Attas, S. M. N. (1980). *The concept of education in Islam*. Kuala Lumpur: ABIM.
al-Attas, S. M. N. (1999). *Risalah untuk kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: ISTAC.
al-Faruqi, I. R. (1982). *Islamization of knowledge: General principles and workplan*. Herndon: IIIT.

- Al-Muslim Mustapa, & Zamri Arifin. (2012). *Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab: Satu tinjauan literature di Negeri Sembilan*. Dalam *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab (NCAL2015)*.
- Amin Senin. (2024). *Misi pendidikan dalam Malaysia MADANI*. Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
- Anuar, S. (2017). *Analisis isi kandungan buku teks Bahasa Arab "al-Munir al-Lughah al-Arabiyyah al-Ittisoliyyah"* TAC151 UiTM Malaysia. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business*, 1(1). 35-44.
- Azhar, M., Abdullah, A. H., Basiron, B., & Jasmi, K. A. (2006). *Pembelajaran Balaghah Arab di peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia: Satu kajian kes*. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Azhar, M. (2007). *Menterjemahkan budaya retorika Melayu melalui pelaksanaan pengajaran ilmu Balaghah Arab dalam kalangan pelajar Melayu*. Dalam *Koleksi Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-11 (21–23 November 2007)*, Kuala Lumpur.
- Badrul Hisham Alang Osman, & Mohd Nasruddin Basar. (2015). *Penilaian sendiri amalan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh*. *Conference paper*, Keningau, 1–35.
- Collins, A., Brown, J. S., & Newman, S. E. (1989). *Cognitive apprenticeship: Teaching the crafts of reading, writing, and mathematics*. Lawrence Erlbaum.
- Ibnu Khaldūn. (2014). *Al-Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibnu Khaldun, A. R. M. (2023). *Mukadimah*. Petaling Jaya: The Biblio Press.
- Jamalludin, H., & Zaidatun, T. (2003). *Multimedia dalam pendidikan*. Batu Caves: PTS Publication & Distributors.
- Jamaluddin Harun, Baharuddin Aris, & Zaidatun Tasir. (2003). *Pembangunan perisian multimedia: Satu pendekatan sistematik*. Batu Caves: Venton Publishing Sdn. Bhd.
- Jamaludin Harun, & Zaidatun Tasir. (2007). *Asas rekabentuk laman web*. Batu Caves: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd.
- Jasmeen Nurul Iman, J. (2024). *Kepentingan kajian sastera kepada masyarakat dan dunia pendidikan: Satu penelitian systematic literature review (SLR)* [Tesis sarjana muda, Universiti Malaysia Kelantan].
- Kamarulzaman Abdul Ghani. (2010). *Kebolehbacaan buku teks Bahasa Arab Tinggi tingkatan empat Sekolah Menengah Kebangsaan Agama* [Tesis kedoktoran, Universiti Malaya]. Fakulti Pendidikan.
- Kamarulzaman Abdul Ghani, & Hassan Basri Awang Mat Dahan. (2010). *An assessment of readability of a book from technical presentation: An investigation on Form Four Arabic textbook in Malaysia (Arabic version)*. *Journal of Reading and Knowledge*, Ain Shams University, Egypt.
- Larson, M. B., & Lockee, B. B. (2014). *Streamlined ID: A practical guide to instructional design*. Routledge.
- McKenny, S., & Reeves, T. C. (2012). *Conducting educational design research*. Routledge.
- Mohamad Syukri Abdul Rahman, Muhammad Daod, Muhammad Redzaudin Ghazali, Mohd Rufian Ismail, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, & Nurfida'iy Salahuddin. (2018). *Pendekatan pengajaran ilmu Balaghah di institusi pengajian tinggi awam Malaysia*. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3 (14), 48–58.
- Mohamed Amin. (2016). *Pemikiran dan reka bentuk semula pengajaran dan pembelajaran abad ke-21*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Zahirwan, H., Z. A., Pisol, M., Muhammad Yusri, Y., Paiz, H., Hamdi Rahman, M. Y., Abd Munir, M. N., & Muhammad Imran, A. R. (2017). *Pandangan Ibnu Khaldun berkaitan kaedah pendidikan dalam kitab al-Muqaddimah*. *Ideology*, 2(1), 26–35.
- Mohd Zulkhairi Abd Hamid. (2012). *Reka bentuk perisian pembelajaran Balaghah Arab peringkat sekolah menengah*. Fakulti Bahasa & Linguistik, Universiti Malaya.

- Mokhtar, I. (2011). *Kaedah penyelidikan pendidikan* (Cet. ke-8). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haron, Mzuhd Syukri, Ahmad Redzaudin, & Norhidayati Abdullah. (2014). *Tahap kebolehbacaan buku al-Mursyid fi al-Lughah al-'Arabiyyah* (1). *International Journal of Islamic Studies and Arabic Language Education*, 1(1), 11–16.
- Muhammad Saiful Anuar Yusoff, & Wan Nazihah Wan Mohamed. (2020). *Motivation in reading Arabic literature books among students of Kelantan religious schools*. *Global Journal Al-Thaqafah*, 10 (1), 10-17.
- Munira Husna Baharuddin, Abdul Razak Ahmad, & Noria Munirah Yakub. (2015). *Pengajaran dan pembelajaran sejarah abad ke-21: Isu dan cabaran*. Dalam *Prosiding Seminar Antarabangsa dan Pendidikan Serantau ke-7*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nazri Atoh, N., Mohd Azam, M. H., & Faridah, A. (2020). *Estetika Islam dalam pengajaran Bahasa Arab*. *Jurnal Pengajian Arab*, 8 (1), 33–49.
- Nazri Atoh, Saipolbarin Ramli, & Anida Sarudin. (2020). *Keberkesanan peta minda dalam pengajaran kesusasteraan Arab untuk pelajar Program Bahasa Arab, UPSI*. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, Universiti Sains Islam Malaysia.
- NikMohd Rahimi, Zahriah Hussin, & Wan Normeza. (2014). *Penggunaan strategi pembelajaran kosa kata Bahasa Arab dalam kalangan pelajar cemerlang*. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*, 67(1), 33–38.
- Noormala Ali, Mohamed Sharif, & Roslee Ahmad. (2005). *Pendekatan temubual sebagai metod kajian kes: Suatu persepsi di kalangan pelajar perempuan cemerlang terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling*. Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository.
- Nurhasma Muhamad Saad, Ab Adly Rabbanie Ab Rahim, Yee Chin Yip, Margaret Anthoney & Wan Moharani Mohammed. (2025). *Pemikiran Ibn Khaldun tentang hubungan antara kesusasteraan, masyarakat, dan pembangunan tamadun dalam buku Mukadimah*. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (74), 343-358.
- Nur Maisarah Mohamad. (2019). *STAM subject: Annusus al-Adabiyah (Mobile application)*. Faculty of Informatics and Computing, Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Rosenblatt, L. (1978). *The reader, the text, the poem*. Carbondale: Southern Illinois University Press.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Harvard University Press.
- Zamri Arifin, Kaseh Abu Bakar, & Maheram Ahmad. (2012). *Kebolehbacaan teks sastera Arab dalam kalangan pelajar Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM*. Dalam *Prosiding Seminar Pemantauan Projek Penyelidikan Tindakan/Strategik*, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.